

# Teliti proses kenaikan pangkat ketua jabatan banteras rasuah, ketirisan



Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed  
bhrencana@bh.com.my

Timbalan  
Pendaftar, Fakulti  
Perhutanan dan  
Alam Sekitar,  
Universiti Putra  
Malaysia (UPM)

**Laporan** Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2024 masih mendedahkan naratif kelemahan sama membabitkan beberapa kementerian dan agensi awam dengan rumusan kurang pemantauan atau penyeliaan, tiada penyeiarasan antara agensi, pangkalan data tidak lengkap serta kelemahan dasar dan prosedur kerja ketara.

Walaupun ketirisan didedahkan hampir setiap tahun dan teguran diberikan serta pelbagai tindakan diambil, ternyata masalah ini tidak mampu dinoktahkan lagi. Malah, keluhan ini turut diluahkan kolumn Belalang Jalan Riong di *BH Ahad*, kelmarin.

Justeru, perlu ada reformasi menyeluruh dalam proses pemberian perkhidmatan, pengurusan projek dan perolehan menggunakan dana awam serta kaedah pemantauan proses kerja, selain melaksanakan penambahbaikan drastik dalam soal penyeiarasan antara agensi dan prosedur kerja.

Segala kelemahan didedahkan itu bukan baharu, sebaliknya mungkin sudah menjadi sebahagian amalan dan proses kerja sistematik di agensi terbabit. Hanya rombakan menyeluruh mampu mengubah dan memperbetulkan kelemahan, sekali gus mengelak ia berulang. Agensi lain tidak terbabit juga wajar mengambil iktibar.

Hakikatnya, laporan audit mendedahkan kelemahan ketara dalam proses pemantauan dan penyeliaan pastinya membabitkan ketua dan anak buah. Ini menunjukkan berlaku pengabaian serius dari segi pelaksanaan tanggungjawab oleh pegawai penyelia atau ketua jabatan yang sepatutnya meman-

tau segala operasi terutama gerak geri anggota bawahan.

Timbul persoalan, adakah pegawai penyelia cuai dan tidak cekap mengurus serta menyelia staf bawahan atau sengaja tutup mata dan turut terbabit atau bersekongkol meraih laba haram.

Ini perkara serius perlu segera ditangani kerana kegagalan ketua melaksanakan tugas penyeliaan secara efisien dan efektif bukan saja merosakkan imej jabatan dengan membiarkan anggota bawahan bertindak sesuka hati, malah menghancurkan organisasi.

Justeru, proses kenaikan pangkat dan pelantikan ketua jabatan yang memikul tanggungjawab pegawai penyelia perlu diteliti semula supaya hanya benar-benar layak dan cekap secara merit dilantik.

## Nilai kemampuan laksana tugas

Dalam konteks ini, penilaian terhadap kemampuan menyelia staf dan berkeupayaan melaksanakan tanggungjawab dengan nilai integriti tinggi wajar dijadikan kriteria dan aras pemilihan.

Ketiadaan penyeiarasan antara agensi juga menarik untuk dibincangkan kerana isu pertindihan fungsi dan peranan serta cara kerja secara silo sudah lama didebatkan dan tidak wajar berlaku lagi.

Perkhidmatan awam bermatlamat memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat, justeru budaya kerja mementingkan jabatan masing-masing bukan saja merugikan, malah membazir sumber di pelbagai peringkat.

Penyeiarasan antara agensi bukan saja memudahkan pelaksanaan kerja penjawat awam, malah akan memberi manfaat berganda kepada rakyat apabila sesuatu perkhidmatan dapat disampaikan secara berpusat lebih cepat dan mudah, selain me-

ngurangkan kerana birokrasi yang sering menimbulkan kekeliruan rakyat.

Ketua jabatan terbabit perlu duduk bersama membincangkan keperluan kerjasama dan agihan tugas dengan jelas untuk memudahkan penyeiarasan dalam menyedia dan melaksanakan sesuatu perkhidmatan.

Secara lazimnya perkhidmatan awam sudah dilengkapi pelbagai dasar dan prosedur kerja terbaik, maka apabila kelemahan didedahkan sudah tentu ia membabitkan penghayatan dan amalan oleh penjawat awam yang gagal membudayakannya.

Justeru, setiap agensi awam perlu melipatgandakan usaha menerapkan budaya mematuhi dasar dan prosedur kerja.

Penemuan audit ini membuktikan sehebat manapun prosedur dan dasar diperkenalkan, ia tidak akan berkesan dan mencapai objektif andai penjawat awam gagal menghayati dan membudayakannya sebagai amalan kerja sehari-hari.

Ketua jabatan perlu memikul tanggungjawab memastikan setiap anggota organisasi peka dan mematuhi segala dasar serta prosedur kerja. Tidak boleh ada sebarang kompromi dalam soal mematuhi peraturan ketika melaksanakan tugas.

Kita berharap semua agensi kerajaan berlapang dada menerima teguran audit, sekali gus segera bertindak mengatasi segala kelemahan dalam sistem kerja untuk mengelak ketirisan dalam pengurusan dana awam daripada terus berulang.

Harus diingat pihak audit bukan sengaja mencari kesalahan sebaliknya melaksanakan tanggungjawab untuk memastikan dana awam diuruskan dengan cekap tanpa sebarang ketirisan dan penyelewengan demi memberi manfaat optimum kepada rakyat dan negara.